

KUKTEM kejar pengiktirafan dunia

Oleh ALI MAHMOOD

USIANYA baru 'setahun jagung' tidak menghalang Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) di Kuantan, Pahang untuk berjaya mengondol 11 anugerah emas, perak dan gangsa pada Pameran Bioteknologi Asia 2005 dan Pameran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2005 baru-baru ini.

Kejayaan itu membuktikan usia bukan menjadi ukuran atau penghalang untuk mencapai kejayaan.

Menurut Rektornya, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela, kejayaan di kedua-dua pameran berkenaan telah meletakkan KUKTEM di tangga ke-7 daripada 18 IPTA di seluruh negara.

KUKTEM yang diberikan jolokan sebagai universiti anak kelahiran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga baru sahaja berjaya memperoleh sijil MS ISO 9001:2000 daripada Sirim QAS International dan UKAS iaitu badan Persijilan daripada United Kingdom.

Menurut beliau, pengiktirafan itu memberikan semangat dan kekuatan kepada warga KUKTEM untuk meningkatkan kualiti dan kecemerlangan bagi mengangkat martabat universiti itu mencapai taraf antarabangsa.

Menurut Mohamed Said, penubuhan KUKTEM hampir tiga tahun lalu adalah untuk merealisasikan hasrat bagi kerajaan melahirkan pakar jurutera dan penyelidik dalam bidang petroleum dan petrokimia.

Katanya, peranan KUKTEM kini diperluaskan untuk melahirkan lebih ramai jurutera di kalangan anak tempatan dalam pelbagai bidang sains dan teknologi menerusi peningkatan R&D.

Adalah diharapkan bakal jurutera muda yang lahir daripada KUKTEM dapat membantu memenuhi aspirasi kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga pakar luar.

Bagi melaksanakan hasrat itu, KUKTEM telah menubuhkan kumpulan fokus dan kumpulan bidang pakar yang diketuai oleh profesor dan pensyarah kanan bagi menggabungkan kepakaran dari pelbagai disiplin.

Menerusi kumpulan tersebut, aktiviti R&D tidak hanya berfokus di fakulti



PROF. DR. MOHAMED SAID

masing-masing sebaliknya turut dilaksanakan secara sinergi di mana kumpulan dari berbagai fakulti akan bergabung untuk menghasilkan sesuatu output R&D yang lebih berkualiti.

Antara kumpulan yang telah ditubuhkan ialah Kumpulan Fokus Kimia dan Bioteknologi, Kumpulan Fokus Pembuatan dan Kumpulan Fokus Automotif.

KUKTEM juga memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan melaksanakan pelbagai projek dengan industri setempat.

"Kita telah menggerakkan langkah untuk mempertingkatkan aktiviti R&D dengan menubuhkan Pusat Pengurusan Penyelidikan sebagai pusat sehati dalam usaha meningkatkan kecakapan.

"Malah KUKTEM turut menerbitkan buku garis panduan peraturan menjalankan penyelidikan bagi memudahkan para penyelidik mengurus serta melaksanakan kajian masing-masing,"

ujarnya.

Tambahnya, universiti juga telah mewujudkan skim-skim yang dapat menggiatkan aktiviti penyelidikan seperti Skim Pegawai/ Pembantu Penyelidik, Skim Pelajar Bekerja, Skim Biasiswa Program Kedoktoran dan Skim Pegawai Sains.

Selain itu, KUKTEM turut menerima pakai konsep KOZA'S Model seperti yang diamalkan oleh universiti di Jepun di mana konsep tersebut telah berjaya menjadikan negara matahari terbit itu sebagai sebuah negara maju dalam bidang R&D di peringkat global.

"Konsep yang diamalkan di Jepun ini merupakan satu kaedah terbaik bagi memastikan kepakaran dan guna tenaga dalam bidang penyelidikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya," kata Mohamed Said.

Demi memantapkan lagi R&D, KUKTEM menjalin kerjasama dengan pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa termasuklah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Malaysian Chemicals and Engineering Services Sdn. Bhd (MACES), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Institut Penyelidikan Nuklear Malaysia (MINT) dan kerajaan negeri Pahang.

KUKTEM juga telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan dua universiti di Jerman iaitu Georg-Simon-Ohm-Fachhochschule Nurnberg dan University Applied Science Nuernberg.

Kerjasama yang erat dengan pihak-pihak tersebut akan memangkinkan lagi R&D bukan sahaja untuk kepentingan universiti malah turut sama menyumbang ke arah pembangunan negara.

KUKTEM mempunyai infrastruktur yang canggih seperti makmal 'clean room' yang moden, makmal automotif, makmal elektrik dan elektronik serta makmal sivil dan alam sekitar yang lengkap dengan peralatan terkini.

Bagaimanapun menurut Mohamed Said, kejayaan tidak akan menjadi realiti jika tiada kesepaduan kerjasama antara kecemerlangan staf akademik, kemantapan pengurusan kakitangan dan sokongan dari kerajaan negeri serta pusat.

Sehubungan itu beliau berharap kaki-tangan dan pensyarah KUKTEM terus meningkatkan kualiti kerja supaya universiti itu dapat bersaing dan lebih berdaya maju.

Pengiktirafan yang diterima daripada Sirim QAS International dan UKAS membuktikan keupayaan KUKTEM dan menjadi dorongan kepada warganya untuk berusaha lebih gigih dan komited bagi mengekalkan kualiti dan kecemerlangan universiti itu.

"Kejayaan memperoleh sijil ISO itu adalah langkah pertama untuk mencapai pengiktirafan yang bertaraf dunia," kata Mohamed Said.



PARA penyelidik KUKTEM yang berjaya memenangi pertandingan R&D di Pameran Bioteknologi Asia 2005 dan Ekspo R&D IPT 2005 menunjukkan pingat masing-masing